

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING**  
**KAWASAN : BINTULU**  
**TARIKH : 17 JUN 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian mengkaji keberkesanan kerja-kerja penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya, terutamanya Jalan Sibul-Bintulu dan Jalan Bintulu-Miri memandangkan masih banyak rungutan rakyat diterima dan banyak kemalangan berlaku; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menambahkan tiang lampu elektrik di sepanjang Jalan Sibul-Bintulu dan Jalan Bintulu-Miri, memandangkan kedua-dua jalan tersebut adalah jalan darat utama yang menghubungkan bandar-bandar tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Kementerian Kerja Raya sentiasa peka dan mengambil berat mengenai aspek kualiti Jalan Bintulu – Sibu dan Bintulu – Miri yang sering dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerja-kerja penyelenggaraan jalan utama di negara ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan. Terdapat 3 kategori penyelenggaraan yang terlibat, iaitu rutin, berkala dan kecemasan. Untuk kerja-kerja rutin seperti penampalan 'potholes', pemotongan rumput dan mencuci perabot jalan, bayaran kepada syarikat konsesi dibuat pada setiap bulan mengikut kadar harga per kilometer jalan sebagaimana yang telah termaktub di dalam kontrak konsesi penswastaan. Manakala bagi penyelenggaraan berkala dan kecemasan pula, ia memerlukan kelulusan dan peruntukan khas daripada Agensi Pusat.

Isu kualiti Jalan Bintulu – Sibu dan Bintulu – Miri yang sering mengalami kerosakan itu sebenarnya berkait rapat dengan faktor kenderaan berat yang membawa muatan melebihi had dibenarkan. Jalan-jalan terlibat mengalami kerosakan walaupun kerja-kerja penyelenggaraan sentiasa dilaksanakan oleh pihak konsesi pada setiap masa. Sehubungan itu, kementerian ini akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkuasa yang terlibat untuk memastikan kenderaan-kenderaan berat sentiasa mematuhi had muatan maksimum yang dibenarkan (44 tan).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta pada tahun ini (2014) bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala di Jalan Bintulu – Sibul dan Bintulu – Miri. Di samping itu, untuk jangka panjang, keseluruhan jalan-jalan berkenaan akan dinaikkan taraf kepada laluan ‘dual-carriageway’ di bawah program Jalan Pan Borneo. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2025, tertakluk kepada peruntukan Kerajaan.

(b) Mengenai cadangan pemasangan lampu jalan di Jalan Bintulu – Sibul dan Bintulu – Miri, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan perkara ini sememangnya sedang dalam perhatian dan tindakan oleh JKR Sarawak. Berdasarkan kepada perancangan, bagi tujuan untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan, bilangan lampu-lampu jalan akan ditambah di lokasi-lokasi strategik di kedua-dua laluan tersebut. Projek untuk menambah bilangan lampu jalan ini dijangka akan dimulakan pada bulan September 2014 ini.

Sekian. Terima kasih.